

Bijak pilih program pengajian pendidikan tinggi



Kuantan, 11 Mac- Bakal mahasiswa khususnya pelajar lepasan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Matrikulasi, Diploma dan sebagainya dinasihatkan mendapatkan informasi pengajian tinggi mengikut bidang pengajian yang diminati sesuai dengan kelayakan akademik masing-masing sebelum membuat pilihan mengikut program yang ditawarkan.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, mereka boleh juga berkunjung ke Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) yang merupakan platform saluran hebahan utama bagi menyebarkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi dalam negara yang kini sedang berlangsung di beberapa lokasi mengikut zon yang ditetapkan.

"Dengan berkunjung ke karnival pendidikan, pelajar dapat membuat pilihan pengajian selain maklumat terkini mengenai peluang pendidikan yang ditawarkan bukan sahaja program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA) sahaja malahan Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan institusi lain bagi kemasukan

Sesi Akademik 2017/2018 tidak lama lagi," katanya. Peluang bertemu dengan pegawai bertugas membolehkan pelajar mengetahui dengan lebih lanjut mengenai tawaran pengajian, bidang pengajian, pembiayaan, faedah yang boleh didapati serta kemudahan di universiti masing-masing.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)) turut mengingatkan ibu bapa agar tidak terlalu tertekan dengan keputusan peperiksaan yang diterima anak-anak mereka sebaliknya perlu mengunjungi ekspo atau karnival pendidikan bagi mendapatkan khidmat nasihat memandangkan ibu bapa juga boleh menyemak kelayakan program anak-anak sebagai rujukan sebelum membuat pilihan pengajian.

Dalam pada itu, beliau berkata bagi yang berminat untuk menyambung pengajian dalam program kerjasama bertaraf antarabangsa, UMP dengan kerjasama Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman menawarkan program dwijazah di peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Kejuruteraan Mekatronik sejak tahun 2010 serta program dwijazah Kejuruteraan Perniagaan dengan Reutlingen University di Jerman bagi membolehkan pelajar menikmati dua ijazah serentak dari UMP dan institusi luar negara.



Baginya, pendidikan tinggi negara pada hari ini terus meningkat dan telah mendapat pengiktirafan daripada seluruh negara. Dengan ini pelajar kita tidak perlu ragu atau segan silu untuk memilih menyambung pengajian tinggi di dalam negara. Penarafan QS World University Ranking juga menunjukkan 11 subjek kini dalam 50 teratas di peringkat dunia membabitkan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Taylor University.

KPTN bermula 11 Februari sehingga 26 Mac 2017 di enam zon utama dan satu mini zon seluruh Malaysia bermula di Kelantan dan berakhir di Negeri Sembilan yang melibatkan pelbagai agensi berkaitan pendidikan tinggi termasuklah 20 Universiti Awam, Jabatan Pendidikan Politeknik, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan lain-lain agensi di bawah KPT.

Terdapat juga Karnival Pendidikan MARA untuk dikunjungi selain program Jelajah Pendidikan Bumiputera (JPB) yang akan menjelajah ke seluruh Malaysia bagi membuka banyak ruang kepada pelajar lepasan SPM dari tahun 2012 hingga 2016 yang mempunyai keputusan yang baik namun kurang berkemampuan agar tidak tercicir untuk melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi (IPT).

Dato' Dr Daing hadir menerima watakah pelantikan sebagai rakan strategik dalam menjayakan siri JPB di 55 lokasi seluruh Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri Dato Sri Najib Tun Razak di Padang Majlis Daerah Bera Pahang yang turut dihadiri Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini.

Disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Cancellor

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 13-03-2017, 10:52:20